

Projek Landasan Kereta Api Berkembar Elektrik catat sejarah

Tembusi terowong terpanjang di Asia

Oleh AHMAD SYAKIR SAZILI
syakir.sazili@kosmo.com.my

PADANG RENGAS - Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Ipoh-Padang Besar mencatat sejarah tersendiri apabila bahagian terakhir Terowong Berkembar Berapit (TBB) sepanjang 3.3 kilometer yang dibina di sini berjaya ditembusi semalam.

Bagaimanapun pembinaan TTB yang merupakan terowong landasan kereta api berkembar terpanjang di Asia Tenggara itu akan siap sepenuhnya pada penghujung tahun depan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha berkata, sehingga semalam pemaju projek terbabit, MMC-Gamuda JV berjaya menyelesaikan 70 peratus kerja-kerja pembangunan terowong berkenaan manakala bakinya akan dilaksanakan secara berperingkat.

"Pembinaan terowong ini bermula pada 4 Oktober 2009 menggunakan konsep berkembar dengan satu landasan setiap satu, serta



PARA pekerja mengibarkan Jalur Gemilang selepas berjaya meletupkan batu ketika majlis penembusan Terowong Berkembar Berapit bagi PLBE di Padang Rengas, Kuala Kangsar semalam.

pembinaan sembilan lahan silang antara terowong kiri dan kanan.

"Baki 30 peratus pembinaan terowong ini merangkumi kerja-kerja pembinaan infrastruktur dan melengkapkan sistem bahkan kita

yakini ia dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis Penembusan TBB di sini semalam.

Cho Ha berkata, pada ke-

seluruhannya prestasi PLBE kini mencapai kemajuan fizikal 57 peratus dan kerja-kerja sekarang melibatkan pembinaan stesen, jejambat dan kerja landasan.

"Kita akui terpaksa ber-

hadapan masalah pengambilan tanah, pengalihan premis dan sebagainya di beberapa buah negeri namun ia bukan penyebab kelewatan projek ini," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Eksekutif MMC-Gamuda

Info Projek PLBE



JV, Datuk Ir. Azmi Mat Nor memberitahu, penembusan terowong terbabit amat penting kepada pihaknya kerana ia menandakan berakhirnya satu lagi fasa pembinaan yang mencabar bagi keseluruhan PLBE sejauh 329 kilometer berkenaan.

"Pembinaan TBB berhadapan banyak cabaran seperti pengorekan di bawah Lebuh Raya Utara-Selatan, Jalan Persekutuan Taiping-Kuala Kangsar ketika adanya lalu lintas secara langsung" katanya.

Pembinaan PLBE Ipoh-Padang Besar sepanjang 329 kilometer dijangka menelan belanja RM12.5 billion itu turut melibatkan pembinaan 65 buah jalan raya atas jambatan, 8 buah jalan raya bawah jambatan, 75 buah jambatan sungai serta 43 buah jambatan motosikal dan pejalan kaki.

Terdapat juga pembinaan sebuah jambatan berbui berukuran sepanjang 290 meter di Perai, Pulau Pinang dan jejambat marin sepanjang 8.5 kilometer yang akan dibina di Bukit Merah, Taiping.